

Sultan Hassanal Bolkiah tiba di Malaysia sempena lawatan tiga hari

Subang: Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah, tiba di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang sempena Lawatan Negara ke Malaysia selama tiga hari, bermula semalam.

Ketibaan baginda disambut Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kedua-dua pemimpin dija-

dual menghadiri Perundingan Tahunan Pemimpin Malaysia-Brunei Darussalam (ALC) ke-24.

Sultan Brunei akan diberi Istiadat Sambutan Negara di Istana Negara oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, hari ini.

BERNAMA



Sultan Hassanal Bolkiah disambut Anwar sebaik tiba di Pangkalan Udara TUDM Subang, Selangor, semalam.

(Foto ihsan Pejabat Perdana Menteri)